JUZU' KE-29

# SURAH NUH

SURAH KE

71

# سُورَةُ نُوحٍ

# SURAH NUH

Surah Nuh

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

28

**Dengan nama Allah**
**Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

**Ayat-ayat dan Terjemahan**

إِنَّآ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦٓ أَنْ أَنذِرْ قَوْمَكَ مِن قَبْلِ أَن
يَأْتِيَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١﴾
قَالَ يَٰقَوْمِ إِنِّى لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾
أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَٱتَّقُوهُ وَأَطِيعُونِ ﴿٣﴾
يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرْكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ
إِنَّ أَجَلَ ٱللَّهِ إِذَا جَآءَ لَا يُؤَخَّرُ ۖ لَوْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾
قَالَ رَبِّ إِنِّى دَعَوْتُ قَوْمِى لَيْلًا وَنَهَارًا ﴿٥﴾
فَلَمْ يَزِدْهُمْ دُعَآءِىٓ إِلَّا فِرَارًا ﴿٦﴾
وَإِنِّى كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوٓا۟ أَصَٰبِعَهُمْ فِىٓ
ءَاذَانِهِمْ وَٱسْتَغْشَوْا۟ ثِيَابَهُمْ وَأَصَرُّوا۟ وَٱسْتَكْبَرُوا۟
ٱسْتِكْبَارًا ﴿٧﴾ ثُمَّ إِنِّى دَعَوْتُهُمْ جِهَارًا ﴿٨﴾
ثُمَّ إِنِّىٓ أَعْلَنتُ لَهُمْ وَأَسْرَرْتُ لَهُمْ إِسْرَارًا ﴿٩﴾
فَقُلْتُ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ إِنَّهُۥ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾

*"Sesungguhnya Kami telah utuskan Nuh kepada kaumnya dengan perintah: Berilah peringatan kepada kaummu sebelum mereka ditimpa 'azab yang amat pedih(1). Lalu Nuh berkata: Wahai kaumku! Sesungguhnya aku adalah seorang Rasul yang memberi peringatan yang amat jelas (2). Hendaklah kamu menyembah Allah, bertaqwa kepada-Nya dan ta'at kepadaku(3). Nescaya Dia ampunkan dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu hingga ke satu tempoh yang ditetapkan. Sesungguhnya ketetapan Allah itu apabila tiba waktunya tidak akan ditangguhkan lagi jika kamu mengetahui(4). Lalu Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Aku telah menyeru kaumku siang dan malam(5).Tetapi seruanku itu tidak menambahkan mereka suatu apa melainkan mereka semakin lari(6). Dan sesungguhnya aku setiap kali aku menyeru mereka (kepada keimanan) supaya Engkau ampunkan dosa mereka, mereka sumbatkan jari-jari ke dalam telinga mereka dan menutupkan muka dengan baju mereka, dan mereka terus berdegil dan menunjukkan sikap yang amat sombong(7). Kemudian aku menyeru mereka secara terang-terangan(8). Kemudian aku menyeru mereka secara terang dan secara sulit(9). Dan aku telah menyeru mereka! Pohonlah keampunan kepada Tuhan kamu sesungguhnya Dia Maha Pengampun"(10).*

يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا ﴿١١﴾
وَيُمْدِدْكُم بِأَمْوَٰلٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَل لَّكُمْ جَنَّٰتٍ وَيَجْعَل لَّكُمْ
أَنْهَٰرًا ﴿١٢﴾
مَّا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ﴿١٣﴾
وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ﴿١٤﴾
أَلَمْ تَرَوْا۟ كَيْفَ خَلَقَ ٱللَّهُ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾
وَجَعَلَ ٱلْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ ٱلشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾
وَٱللَّهُ أَنۢبَتَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ نَبَاتًا ﴿١٧﴾
ثُمَّ يُعِيدُكُمْ فِيهَا وَيُخْرِجُكُمْ إِخْرَاجًا ﴿١٨﴾
وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ بِسَاطًا ﴿١٩﴾
لِّتَسْلُكُوا۟ مِنْهَا سُبُلًا فِجَاجًا ﴿٢٠﴾

*"Nescaya Allah menurunkan hujan yang lebat ke atas kamu(11). Dan mengurniakan kepada kamu harta yang banyak dan anak yang ramai, dan mengadakan kebun-kebun untuk kamu, juga mengadakan sungai-sungai untuk kamu(12). Mengapakah kamu tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah?(13). Sedangkan Dia telah menciptakan kamu melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan(14). Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah telah menciptakan tujuh langit yang bertingkat-tingkat(15).Dan di langit Dia telah menciptakan bulan*

*sebagai cahaya dan menciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang(16). Dan Allah menumbuhkan kamu dari tanah dengan pertumbuhan yang sempurna(17). Kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam tanah dan mengeluarkan kamu darinya (pada hari Qiamat) dengan sempurna(18). Dan Allah telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai hamparan(19). Supaya kamu dapat melalui jalan-jalannya yang luas."(20).*

قَالَ نُوحٌ رَّبِّ إِنَّهُمْ عَصَوْنِي وَاتَّبَعُوا مَن لَّمْ يَزِدْهُ مَالُهُ وَوَلَدُهُ إِلَّا خَسَارًا ﴿٢١﴾ وَمَكَرُوا مَكْرًا كُبَّارًا ﴿٢٢﴾

وَقَالُوا لَا تَذَرُنَّ آلِهَتَكُمْ وَلَا تَذَرُنَّ وَدًّا وَلَا سُوَاعًا وَلَا يَغُوثَ وَيَعُوقَ وَنَسْرًا ﴿٢٣﴾

وَقَدْ أَضَلُّوا كَثِيرًا ۖ وَلَا تَزِدِ الظَّالِمِينَ إِلَّا ضَلَالًا ﴿٢٤﴾

مِّمَّا خَطِيئَاتِهِمْ أُغْرِقُوا فَأُدْخِلُوا نَارًا فَلَمْ يَجِدُوا لَهُم مِّن دُونِ اللَّهِ أَنصَارًا ﴿٢٥﴾

وَقَالَ نُوحٌ رَّبِّ لَا تَذَرْ عَلَى الْأَرْضِ مِنَ الْكَافِرِينَ دَيَّارًا ﴿٢٦﴾

إِنَّكَ إِن تَذَرْهُمْ يُضِلُّوا عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوا إِلَّا فَاجِرًا كَفَّارًا ﴿٢٧﴾

رَّبِّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِمَن دَخَلَ بَيْتِيَ مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَلَا تَزِدِ الظَّالِمِينَ إِلَّا تَبَارًا ﴿٢٨﴾

*"Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Mereka telah menderhakakanku dan mengikut orang-orang yang hartanya dan anak-anaknya tidak menambahkannya suatu apa selain kerugian(21). Dan mereka melakukan berbagai-bagai tipu daya yang amat besar(22). Dan mereka berkata (kepada orang ramai): Janganlah kamu tinggalkan tuhan-tuhan kamu, dan janganlah kamu tinggalkan Wadda, Suwaa', Yaghuth, Ya'uuq dan Nasr (23). Dan mereka telah menyesatkan orang ramai, dan janganlah engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim itu selain kesesatan(24). Oleh sebab kesalahan-kesalahan mereka, mereka ditenggelamkan, kemudian dimasukkan ke dalam Neraka, dan mereka tidak akan mendapat penolong-penolong selain dari Allah(25).Dan Nuh berdo'a: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorang pun dari orang-orang kafir itu tinggal di bumi (26). Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal di bumi nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu dan mereka tidak akan melahirkan selain dari anak yang jahat dan kafir yang degil(27). Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan kepadaku, kepada dua ibu bapaku, kepada orang yang masuk ke dalam rumahku dengan keadaan beriman dan kepada orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim selain dari kebinasaan."(28).*

### (Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Seluruh kandungan surah ini mengesahkan cerita Nabi Nuh a.s. dengan kaumnya dan mengesahkan salah satu pengalaman da'wah di muka bumi, dan seterusnya menggambarkan satu sesi dari sesi-sesi rawatan yang berterusan dan berulang-ulang untuk mengubati jiwa manusia, atau menggambarkan satu pusingan dari pusingan-pusingan perjuangan yang kekal di antara kebaikan dan kejahatan, di antara hidayat dan kesesatan, di antara kebenaran dan kebatilan.

#### *Pengalaman Pahit Getir Nabi Nuh*

Pengalaman ini mendedahkan satu gambaran dari gambaran-gambaran jiwa manusia yang degil, sesat, hanyut di belakang pemimpin-pemimpin yang sesat, angkuh untuk menerima kebenaran dan tidak menghiraukan segala bukti hidayat dan segala kejadian yang mengilhamkan keimanan yang terbentang pada diri mereka dan di merata pelusuk alam, atau terlukis dalam kitab alam buana yang terbuka lebar dan di dalam kitab jiwa manusia yang tersembunyi.

Pengalaman ini juga sekaligus mendedahkan satu gambaran dari gambaran-gambaran rahmat Ilahi yang dapat dilihat pada perhatian Allah yang besar dan sungguh-sungguh untuk memberi hidayat kepada manusia. Perhatian yang berat itu dapat dilihat pada 'inayah-Nya mengutuskan para rasul berturut-turut kepada umat manusia yang degil, sesat, hanyut di belakang pemimpin-pemimpin yang sesat dan angkuh untuk menerima kebenaran dan hidayat.

#### *Para Rasul Berda'wah Tanpa Bayaran*

Di samping itu surah ini juga menayangkan satu gambaran dari gambaran-gambaran perjuangan yang sengit, penat, sabar dan gigih di pihak para rasul a.s. untuk menghidayatkan manusia yang sesat, degil, menderhaka dan liar, sedangkan mereka tidak mempunyai sesuatu kepentingan dalam usaha da'wah itu dan tidak mendapat sebarang upah dari orang-orang yang telah mendapat hidayat, atau sesuatu hadiah atau dalal yang diperolehi dari keimanan orang ramai seperti hadiah atau bayaran yang diterima oleh sekolah-sekolah, universiti-universiti, kolej-kolej dan guru-guru di zaman ini atau di mana-mana zaman dalam bentuk bayaran-bayaran kerana mengajar.

#### *Laporan Nabi Nuh*

Itulah gambaran perjuangan da'wah yang dibentangkan oleh Nabi Nuh a.s. kepada Tuhannya sebagai laporan akhir setelah berjuang hebat selama seribu tahun kurang lima puluh menghadapi kaumnya yang degil dan hanyut di belakang pemimpin-pemimpin yang sesat dan menyesatkan iaitu pemimpin-pemimpin yang mempunyai kuasa, harta

dan pengaruh yang kuat. Beliau mengemukakan laporannya kepada Tuhannya:

قَالَ رَبِّ إِنِّي دَعَوْتُ قَوْمِي لَيْلًا وَنَهَارًا ﴿٥﴾

فَلَمْ يَزِدْهُمْ دُعَائِي إِلَّا فِرَارًا ﴿٦﴾

وَإِنِّي كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوا أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ وَاسْتَغْشَوْا ثِيَابَهُمْ وَأَصَرُّوا وَاسْتَكْبَرُوا اسْتِكْبَارًا ﴿٧﴾ ثُمَّ إِنِّي دَعَوْتُهُمْ جِهَارًا ﴿٨﴾

ثُمَّ إِنِّي أَعْلَنْتُ لَهُمْ وَأَسْرَرْتُ لَهُمْ إِسْرَارًا ﴿٩﴾

*"Lalu Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Aku telah menyeru kaumku siang dan malam(5). Tetapi seruanku itu tidak menambahkan mereka suatu apa melainkan mereka semakin lari(6). Dan sesungguhnya aku setiap kali aku menyeru mereka (kepada keimanan) supaya Engkau ampunkan dosa mereka, mereka sumbatkan jari-jari ke dalam telinga mereka dan menutupkan muka dengan baju mereka, dan mereka terus berdegil dan menunjukkan sikap yang amat sombong(7). Kemudian aku menyeru mereka secara terang-terangan(8). Kemudian aku menyeru mereka secara terang dan secara sulit."(9)*

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾

يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾

وَيُمْدِدْكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿١٢﴾

مَا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ﴿١٣﴾

وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ﴿١٤﴾

*"Dan aku telah menyeru mereka! Pohonlah keampunan kepada Tuhan kamu sesungguhnya Dia Maha Pengampun (10). Nescaya Allah menurunkan hujan yang lebat ke atas kamu(11). Dan mengurniakan kepada kamu harta yang banyak dan anak yang ramai, dan mengadakan kebun-kebun untuk kamu, juga mengadakan sungai-sungai untuk kamu(12). Mengapakah kamu tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah? (13). Sedangkan Dia telah menciptakan kamu melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan."(14)*

أَلَمْ تَرَوْا كَيْفَ خَلَقَ اللَّهُ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾

وَجَعَلَ الْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ الشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾

وَاللَّهُ أَنْبَتَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا ﴿١٧﴾

ثُمَّ يُعِيدُكُمْ فِيهَا وَيُخْرِجُكُمْ إِخْرَاجًا ﴿١٨﴾

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ بِسَاطًا ﴿١٩﴾

لِتَسْلُكُوا مِنْهَا سُبُلًا فِجَاجًا ﴿٢٠﴾

*"Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah telah menciptakan tujuh langit yang bertingkat-tingkat(15). Dan di langit Dia telah menciptakan bulan sebagai cahaya dan menciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang(16). Dan Allah menumbuhkan kamu dari tanah dengan pertumbuhan yang sempurna(17). Kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam tanah dan mengeluarkan kamu darinya (pada hari Qiamat) dengan sempurna(18). Dan Allah telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai hamparan(19). Supaya kamu dapat melalui jalan-jalannya yang luas."(20)*

Kemudian pada akhir laporan perjuangannya yang sabar dan gigih itu beliau berkata:

قَالَ نُوحٌ رَبِّ إِنَّهُمْ عَصَوْنِي وَاتَّبَعُوا مَنْ لَمْ يَزِدْهُ مَالُهُ وَوَلَدُهُ إِلَّا خَسَارًا ﴿٢١﴾ وَمَكَرُوا مَكْرًا كُبَّارًا ﴿٢٢﴾

وَقَالُوا لَا تَذَرُنَّ آلِهَتَكُمْ وَلَا تَذَرُنَّ وَدًّا وَلَا سُوَاعًا وَلَا يَغُوثَ وَيَعُوقَ وَنَسْرًا ﴿٢٣﴾

*"Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Mereka telah menderhakakanku dan mengikut orang-orang yang hartanya dan anak-anaknya tidak menambahkannya suatu apa selain kerugian(21). Dan mereka melakukan berbagai-bagai tipu daya yang amat besar(22). Dan mereka berkata (kepada orang ramai): Janganlah kamu tinggalkan tuhan-tuhan kamu, dan janganlah kamu tinggalkan Wadda, Suwaa', Yaghuth, Ya'uuq dan Nasr."(23)*

وَقَدْ أَضَلُّوا كَثِيرًا

*"Dan mereka telah menyesatkan orang ramai ...."(24)*

Inilah hasil pencapaian yang pahit, tetapi tugas kerasulan tetap tugas kerasulan.

Pengalaman yang pahit ini dikemukakan kepada Rasulullah s.a.w. selaku pemegang amanah da'wah di akhir zaman yang memikul tugas yang paling besar yang pernah diserahkan kepada seorang rasul, supaya beliau dapat melihat gambaran perjuangan saudaranya yang terdahulu, yang begitu panjang untuk menegakkan hakikat iman di bumi, juga melihat kedegilan manusia di hadapan da'wah yang benar dan kerosakan kepimpinan yang sesat yang mengalahkan kepimpinan yang lurus, juga melihat bagaimana iradat Allah telah mengutuskan para rasul silih berganti selepas menghadapi kedegilan dan kesesatan sejak angkatan umat manusia yang awal di tangan moyang mereka Nabi Nuh a.s.

Pengalaman ini juga dikemukakan kepada kelompok Muslimin di Makkah dan umat Muslimin umumnya sebagai pewaris da'wah Allah di muka

bumi dan sebagai pewaris sistem hidup Ilahi yang lahir dari da'wah itu, iaitu satu sistem yang tegak di tengah-tengah masyarakat jahiliyah di zaman itu dan di tengah-tengah seluruh masyarakat jahiliyah yang datang kemudiannya, supaya mereka dapat melihat gambaran perjuangan yang gigih dan panjang dari Nabi Nuh a.s. moyang yang kedua manusia, juga melihat keperihatinan Allah terhadap golongan orang-orang Mu'min yang kecil dan bagaimana Dia menyelamatkan mereka dari malapetaka banjir yang besar di zaman itu.

Selanjutnya pengalaman ini juga dikemukakan kepada kaum Musyrikin, supaya mereka melihat kesudahan atau untung nasib para pendusta yang telah silam dan supaya mereka dapat memahami betapa besarnya ni'mat Allah yang telah mengutuskan Rasulullah s.a.w. kepada mereka, iaitu seorang Rasul yang lembut hati yang tidak mendo'akan supaya mereka ditimpa malapetaka yang membawa kebinasaan yang total kerana rahmat dan kasihan belas Allah terhadap mereka, juga kerana Allah bermurah hati menangguhkan hukuman-Nya terhadap mereka sehingga ke suatu masa yang tertentu. Oleh sebab itu mereka tidak ditimpa bencana kerana do'a Rasulullah seperti yang dilakukan oleh Nabi Nuh a.s. terhadap kaumnya setelah gagal segala daya usahanya dengan do'anya yang berikut:

وَقَالَ نُوحٌ رَّبِّ لَا تَذَرْ عَلَى ٱلْأَرْضِ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ دَيَّارًا ﴿٢٦﴾
إِنَّكَ إِن تَذَرْهُمْ يُضِلُّوا۟ عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوٓا۟ إِلَّا فَاجِرًا كَفَّارًا ﴿٢٧﴾

*"Dan Nuh berdo'a: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorang pun dari orang-orang kafir itu tinggal di bumi (26). Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal di bumi nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu dan mereka tidak akan melahirkan selain dari anak yang jahat dan kafir yang degil."(27)*

* * * * * *

### *Hakikat Kesatuan 'Aqidah Dan Pertaliannya Dengan Iradat Allah*

Dari pembentangan babak ini dari babak-babak perjuangan da'wah Ilahiyah yang ditayangkan kepada manusia itu dapat dilihat hakikat kesatuan 'aqidah yang mempunyai akar umbinya yang kukuh juga dapat dilihat pertaliannya yang rapat dengan alam buana, dengan iradat Allah dan perencanaan-perencanaan-Nya, juga dengan peristiwa-peristiwa kehidupan yang berlaku mengikut perencanaan Allah. Hakikat itu dapat dilihat dari celah-celah da'wah Nabi Nuh a.s. kepada kaumnya:

قَالَ يَٰقَوْمِ إِنِّى لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾
أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَٱتَّقُوهُ وَأَطِيعُونِ ﴿٣﴾
يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرْكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ إِنَّ أَجَلَ ٱللَّهِ إِذَا جَآءَ لَا يُؤَخَّرُ ۖ لَوْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

*"Lalu Nuh berkata: Wahai kaumku! Sesungguhnya aku adalah seorang Rasul yang memberi peringatan yang amat jelas(2). Hendaklah kamu menyembah Allah, bertaqwa kepada-Nya dan ta'at kepadaku(3). Nescaya Dia ampunkan dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu hingga ke satu tempoh yang ditetapkan. Sesungguhnya ketetapan Allah itu apabila tiba waktunya tidak akan ditangguhkan lagi jika kamu mengetahui."(4)*

Dan hakikat itu juga dapat dilihat dalam perkataan Nuh kepada mereka:

مَّا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ﴿١٣﴾
وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ﴿١٤﴾
أَلَمْ تَرَوْا۟ كَيْفَ خَلَقَ ٱللَّهُ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾
وَجَعَلَ ٱلْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ ٱلشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾
وَٱللَّهُ أَنۢبَتَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ نَبَاتًا ﴿١٧﴾
ثُمَّ يُعِيدُكُمْ فِيهَا وَيُخْرِجُكُمْ إِخْرَاجًا ﴿١٨﴾
وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ بِسَاطًا ﴿١٩﴾
لِّتَسْلُكُوا۟ مِنْهَا سُبُلًا فِجَاجًا ﴿٢٠﴾

*"Mengapakah kamu tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah?(13). Sedangkan Dia telah menciptakan kamu melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan(14). Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah telah menciptakan tujuh langit yang bertingkat-tingkat(15). Dan di langit Dia telah menciptakan bulan sebagai cahaya dan menciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang(16). Dan Allah menumbuhkan kamu dari tanah dengan pertumbuhan yang sempurna(17). Kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam tanah dan mengeluarkan kamu darinya (pada hari Qiamat) dengan sempurna(18). Dan Allah telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai hamparan(19). Supaya kamu dapat melalui jalan-jalannya yang luas."(20)*

Usaha menanamkan hakikat kesatuan 'aqidah ini dalam jiwa kaum Muslimin adalah penting untuk menyedarkan mereka terhadap hakikat da'wah yang diterima mereka, terhadap hakikat hubungan keturunan mereka yang mulia, terhadap hakikat kesinambungan angkatan mereka dengan angkatan Muslimin yang pertama dan terhadap peranan mereka dalam usaha menegakkan da'wah selaku sistem hidup Ilahi yang lurus dan sediakala.

* * * * * *

Seseorang itu akan merasa takjub, terperanjat dan khusyu' apabila ia melihat perjuangan gigih yang bersambung-sambung dari para rasul untuk menyampaikan hidayat kepada manusia yang sesat dan degil dan apabila ia memikirkan betapa teguhnya iradat Allah mengutuskan rasul-rasul itu satu demi satu untuk berda'wah kepada umat manusia yang berpaling dari ajaran yang benar itu.

Mungkin ada orang bertanya: Padankah hasil pencapaian da'wah itu dibandingkan dengan perjuangan gigih yang begitu panjang dan dengan pengorbanan-pengorbanan yang luhur sejak Nabi Nuh a.s. hingga kepada Nabi Muhammad s.a.w? Di antara kedua rasul dan selepasnya diikuti pula oleh perjuangan dan pengorbanan-pengorbanan yang besar dari para Mu'min, untuk menegakkan da'wah itu?

Padankah hasil kejayaan da'wah itu dibandingkan dengan usaha-usaha yang begitu berat dan penat yang diceritakan oleh Nabi Nuh a.s. dalam surah ini dan di dalam surah-surah yang lain? Beliau telah menghabiskan umurnya yang amat panjang menyeru kaumnya, tetapi mereka bukan sahaja berpaling darinya, malah beliau dihina dengan berbagai-bagai ejekan dan tuduhan. Semuanya diterima beliau dengan sabar dan baik, dengan adab sopan yang halus dan dengan memberi pandangan yang jelas!

Padankah hasil kejayaan da'wah itu dibandingkan dengan usaha-usaha perjuangan yang terus bersambung-sambung sejak zaman Nuh itu dan dengan pengorbanan-pengorbanan yang tidak pernah putus di sepanjang sejarah manusia, iaitu perjuangan dan pengorbanan dari para rasul? Di antara mereka ada yang dihina dan diejek, ada yang dibakar dengan api dan ada yang dibunuh dengan gergaji dan ada yang terpaksa berhijrah meninggalkan anak isteri dan kampung halaman sehingga sampai kepada Rasul terakhir Muhammad s.a.w. menyambung perjuangan itu bersama-sama para Mu'minin yang menjadi pengikutnya, kemudian diikuti pula oleh perjuangan yang gigih dan pengorbanan-pengorbanan yang mengkagumkan dari para penda'wah di setiap negeri dan di setiap generasi.

Padankah hasil kejayaan da'wah itu dibandingkan dengan segala perjuangan, pengorbanan dan jihad yang pahit itu? Padankah manusia ini diberikan Allah perhatian-Nya yang begitu berat dan keperihatinan-Nya yang begitu besar yang dapat dilihat pada ketegasan iradat-Nya yang memutuskan untuk mengirim para rasul berturut-turut dan bersambung-sambung walaupun mereka disambut dengan kedegilan, penentangan dan kesombongan dari makhluk kerdil yang bernama manusia?

Setelah difikir dan dimenungi, maka jawapannya: Memang padan, tanpa sebarang keraguan lagi.

Usaha menegakkan hakikat keimanan terhadap Allah di muka bumi ini adalah memang padan dengan semua perjuangan ini, padan dengan semua kesabaran ini, padan dengan semua kesusahan ini dan padan dengan semua pengorbanan yang luhur yang ditunjukkan oleh para rasul dan pengikut-pengikut mereka yang tulen di setiap generasi, kerana tegaknya hakikat keimanan ini adalah lebih besar nilainya dari kewujudan manusia itu sendiri, malah lebih besar dari bumi dengan segala isi kandungannya, malah lebih besar dari alam buana yang amat luas ini di mana kedudukan bumi di angkasa raya ini kelihatan amat kecil tidak sampai sebesar biji debu yang hampir-hampir tidak dapat dirasa dan dilihat.

Iradat Allah telah memutuskan untuk menciptakan makhluk manusia ini dengan ciri-ciri yang tertentu dan menyerahkan persoalan menegakkan hakikat keimanan di dalam hati manusia dan di dalam sistem hidup mereka kepada daya usaha perjuangan mereka sendiri dengan pertolongan dan taufik daripada Allah. Kita tidak tahu mengapa Allah menciptakan manusia dengan ciri-ciri ini dan menyerahkan persoalan menegakkan hakikat keimanan dalam hati dan di dalam sistem hidup mereka kepada pertimbangan akal fikiran, daya usaha, pilihan dan kemahuan mereka sendiri. Allah tidak ciptakan manusia dengan tabi'at semulajadi yang beriman dan ta'at seperti para malaikat, dan Allah tidak pula menentukan tabi'at manusia kepada kejahatan dan maksiat semata-mata seperti tabi'at Iblis.

Kita tidak mengetahui rahsia ini, tetapi kita percaya bahawa di sana tentulah ada satu hikmat yang berkaitan dengan peraturan alam al-wujud seluruhnya apabila makhluk manusia diciptakan dengan ciri-ciri ini.

Oleh sebab itu usaha dan perjuangan yang serius dari pihak manusia sendiri merupakan suatu kepastian untuk menegakkan hakikat keimanan di alam mereka. Untuk melaksanakan usaha perjuangan ini, Allah telah memilih hamba-hamba-Nya yang terbaik iaitu Nabi-nabi dan rasul-rasul dan golongan yang terpilih dari pengikut-pengikut mereka yang mempunyai keimanan yang tulen. Mereka sekalian dipilih untuk menegakkan hakikat keimanan di muka bumi ini kerana itulah satu-satunya matlamat yang wajar dan padan dengan segala usaha yang jerih, perjuangan yang pahit dan pengorbanan-pengorbanan yang berat dan luhur.

### *Implikasi Tegaknya Keimanan Dalam Hati Dan Kehidupan Manusia*

Tegaknya hakikat keimanan dalam sebuah hati bererti ia mendapat sebatang cahaya dari nur Allah, atau ia menjadi tempat simpanan rahsia dari rahsia-rahsia Allah atau menjadi alat dari alat-alat perencanaan-Nya yang berkuatkuasa di alam al-wujud. Ini adalah sebuah hakikat bukannya suatu kefahaman dan pendekatan semata-mata, dan

hakikat ini adalah lebih besar dari manusia itu sendiri, lebih besar dari bumi dan langit, malah lebih besar dari alam buana ini semua.

Begitu juga tegaknya hakikat keimanan dalam kehidupan manusia atau dalam kehidupan sekumpulan dari mereka bererti hidup duniawi mereka berhubung rapat dengan hidup abadi, dan meningkat ke taraf yang melayakkan mereka untuk menjalinkan hubungan yang abadi ini. Perhubungan ini ialah perhubungan yang fana dengan yang kekal, perhubungan juzu' dengan kulli, perhubungan kewujudan yang kurang dan terbatas dengan kewujudan yang sempurna dan mutlak. Itulah hasil pencapaian yang mengatasi segala penat lelah perjuangan dan pengorbanan walaupun pencapaian itu hanya dapat direalisasikan selama sehari atau setengah hari sahaja di sepanjang usia umat manusia, kerana dengan terlaksananya pencapaian itu, walaupun dalam bentuk yang singkat itu, bererti terangkatnya obor nur hidayat di hadapan umat manusia di seluruh generasinya dalam bentuk amali yang wujud dalam kenyataan. Ini membolehkan mereka berusaha dan berjuang untuk mencapainya di sepanjang generasi mereka.

Sejarah telah membuktikan bahawa manusia tidak pernah sampai ke tahap kesempurnaan yang disediakan kepadanya dengan mana-mana wasilah yang lain sebagaimana kesempurnaan yang dapat dicapainya dengan wasilah keimanan kepada Allah yang tersemat di dalam jiwanya. Kehidupan manusia tidak pernah meningkat ke tahap yang luhur dengan wasilah yang lain sebagaimana keluhuran yang dicapai dengan wasilah keimanan. Zaman-zaman kemantapan hakikat keimanan di bumi dan zaman-zaman kepimpinan umat manusia dipegang oleh orang-orang yang beriman, merupakan zaman-zaman kemuncak dalam sejarah umat manusia, malah merupakan zaman-zaman impian di luar imaginasi yang menjelma dalam alam realiti yang dihayati manusia.

### *Hanya Dengan Sarana Iman Manusia Akan Mencapai Kemuncak*

Umat manusia tidak mungkin meningkat tinggi melalui jalan falsafah atau sains atau seni atau ideologi atau mana-mana sistem hingga ke tahap yang luhur seperti yang dicapainya melalui jalan kemantapan hakikat keimanan kepada Allah di dalam jiwa dan kehidupan mereka, di dalam akhlak dan pemikiran mereka, di dalam nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan mereka. Dari hakikat keimanan inilah lahirnya satu sistem hidup yang sempurna sama ada yang diterangkan secara intisari oleh rasul-rasul yang telah lalu atau dijelaskan secara terperinci dan halus oleh Rasul yang terakhir.

Sebagai bukti yang jelas bahawa 'aqidah Islam ini merupakan hakikat dari Allah bukti yang telah ditunjukkan oleh sejarah manusia sendiri, iaitu mereka telah mencapai tahap yang luhur dengan wasilah kemantapan hakikat keimanan di dalam kehidupan mereka sedangkan tahap ini tidak dapat dicapai oleh mereka melalui wasilah-wasilah buatan manusia. Ia tidak dapat dicapai melalui sains falsafah atau seni dan tidak juga dapat dicapai melalui mana-mana sistem. Apabila umat manusia telah kehilangan kepimpinan orang-orang Mu'min yang sebenar, maka segala wasilah yang lain tidak berguna belaka, malah nilai-nilai, neraca-neraca pertimbangan dan insaniyah mereka terus runtuh dan menurun, di samping kehidupan mereka tenggelam di dalam kegelisahan-kegelisahan jiwa, keraguan-keraguan fikiran dan penyakit-penyakit saraf walaupun tamadun mereka maju di bidang-bidang yang lain. Walaupun manusia kini mempunyai punca-punca kerehatan jasmani dan keni'matan 'aqliyah serta mempunyai segala wasilah kebahagiaan kebendaan, namun mereka tidak pernah meni'mati kebahagiaan, ketenteraman dan kerehatan insaniyah. Pandangan manusia terhadap hidup tidak pernah meningkat setinggi yang dicapai oleh mereka di bawah naungan hakikat keimanan. Hubungan mereka dengan alam al-wujud tidak pernah terjalin sekukuh hubungannya yang terjalin di bawah naungan 'aqidah Islam. Kesedaran mereka terhadap kehormatan insaniyah tidak pernah dirasai mereka setinggi kesedaran dalam zaman tegaknya hakikat keimanan itu. Kajian yang teliti terhadap kefahaman Islam mengenai matlamat seluruh alam buana dan matlamat kewujudan insan tetap akan membawa kepada kesimpulan ini.

Tidak syak lagi semuanya ini mewajarkan segala usaha perjuangan yang sengit dan segala pengorbanan yang luhur yang dikorbankan oleh orang-orang Mu'min itu untuk menegakkan hakikat keimanan kepada Allah di muka bumi, dan untuk membangunkan hati-hati yang membawa sebatang cahaya dari nur hidayat Allah yang sentiasa berhubung dengannya, juga untuk membangunkan satu kehidupan insaniyah yang mengikut sistem hidup yang diatur oleh Allah, iaitu satu sistem yang meninggikan kefahaman-kefahaman dan akhlak manusia dan memajukan kehidupan mereka ke taraf yang tinggi yang pernah disaksikan oleh sejarah di satu zaman dari zaman-zaman sejarah.

Manusia akan terus menjauhkan diri dari da'wah Allah sebagaimana mereka telah menjauhkan diri dari da'wah Nuh, Ibrahim, Musa, Isa, Muhammad dan saudara-saudara mereka dari Anbia' yang lain. Mereka akan terus hanyut bersama kepimpinan-kepimpinan yang sesat dan menyesatkan. Mereka akan terus menyeksakan penda'wah-penda'wah kepada Allah dengan berbagai-bagai cara penyeksaan sebagaimana mereka telah melontarkan Ibrahim ke dalam api, membunuh nabi yang lain dengan gergaji dan menghinakan para rasul dan Anbia' di sepanjang sejarah.

Tetapi da'wah kepada Allah tetap berjalan terus sebagaimana yang dikehendaki Allah, kerana hasil kejayaannya memang wajar dan padan dengan segala usaha perjuangan dan pengorbanan, walaupun kejayaan itu kecil dan walaupun hanya berjaya

membangun sebuah hati yang mendukung sebatang cahaya dari nur Allah dan berhubung dengan Allah.

Angkatan para rasul yang bersambung-sambung dari zaman Nuh a.s. hingga ke zaman Muhammad s.a.w. itu membuktikan betapa teguhnya iradat Allah agar da'wah kepada hakikat keimanan yang agung itu berjalan terus dan menunjukkan betapa tingginya nilai da'wah itu dan nilai kejayaannya. Sekurang-kurangnya kejayaannya ialah kejayaan hakikat keimanan dapat bertapak kukuh di dalam hati para penda'wah yang sanggup menempuh maut atau lebih dahsyat dari maut untuk menegakkan da'wah, kerana dengan sikap ini mereka menunjukkan bahawa mereka tidak terpengaruh kepada keni'matan-keni'matan dunia yang menarik dan mereka bebas dari belenggu-belenggunya. Ini sahaja sudah merupakan satu kejayaan besar kepada para penda'wah, juga kepada umat manusia, kerana mereka telah mendapat kehormatan dengan wujudnya golongan ini yang merupakan sebahagian dari mereka. Kehormatan inilah yang mewajarkan malaikat diperintah Allah supaya sujud kepada makhluk manusia. Walaupun tabi'at makhluk manusia ini suka menumpahkan darah dan merosakkan di bumi, tetapi mereka mempunyai kesediaan berjuang dan berkorban untuk menerima pancaran nur hidayat dari Allah, dan untuk melaksanakan ketetapan-ketetapan Allah di bumi walaupun mereka lemah dan seterusnya untuk menegakkan sistem hidup yang diatur oleh Allah. Di samping itu manusia mempunyai kebebasan jiwa yang begitu tinggi hingga mereka sanggup mengorbankan jiwa mereka dan menanggung penderitaan yang lebih besar dari maut untuk menyelamatkan 'aqidahnya dan untuk melaksanakan kewajipannya dan menegakkan 'aqidah di dalam kehidupan orang lain supaya mereka berbahagia dan bebas. Apabila jiwa manusia telah sampai ke tahap kebebasan itu, maka segala kesusahan menjadi ringan dan segala pengorbanan menjadi kecil. Segala-galanya lenyap dan hilang, dan yang timbul ialah kejayaan da'wah, iaitu satu kejayaan yang amat besar, yang lebih besar dari bumi, dan langit dalam pertimbangan neraca Allah. .

Sekarang marilah kita teliti kisah Nabi Nuh a.s. di dalam surah ini yang menggambarkan sebahagian dari hakikat perjuangan da'wah itu:

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat 1)**

***Nuh Rasul Pertama Selepas Adam***

إِنَّآ أَرۡسَلۡنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوۡمِهِۦٓ أَنۡ أَنذِرۡ قَوۡمَكَ مِن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ١

*"Sesungguhnya Kami telah utuskan Nuh kepada kaumnya dengan perintah: Berilah peringatan kepada kaummu sebelum mereka ditimpa 'azab yang amat pedih."(1)*

Surah ini bermula dengan menjelaskan sumber risalah dan 'aqidah dengan kenyataan yang tegas:

إِنَّآ أَرۡسَلۡنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوۡمِهِۦٓ

*"Sesungguhnya Kami telah utuskan Nuh kepada kaumnya."(1)*

Itulah sumber para rasul menerima tugas kerasulan dan hakikat 'aqidah. Dari sumber inilah juga lahirnya seluruh alam al-wujud dan lahirnya hayat. Itulah Allah yang telah menciptakan manusia dan meletakkan dalam fitrah mereka kesediaan untuk mengenal dan menyembah Allah. Apabila mereka menyeleweng dari fitrah itu, Allah utuskan rasul-rasul kepada mereka untuk mengembalikan mereka ke pangkuannya. Nabi Nuh a.s. merupakan rasul pertama dari rasul-rasul itu selepas Adam a.s. Al-Qur'an tidak menyebut Adam mempunyai risalah selepas beliau diturunkan ke bumi menjalankan kehidupannya di sana. Mungkin beliau menjadi guru yang mengajar anak-anak dan cucu-cucunya, dan setelah sekian lama beliau wafat, mereka pun menjadi sesat dan tidak lagi menyembah Allah Yang Maha Esa. Mereka menyembah berhala-berhala selaku tuhan. Mula-mula mereka jadikan berhala-berhala itu sebagai lambang kuasa-kuasa alam ghaib atau alam nyata yang dipandang suci oleh mereka, kemudian mereka lupa kepada lambang-lambang itu, dan akhirnya mereka menyembah berhala-berhala itu sendiri. Di antaranya yang paling terkenal ialah lima buah berhala yang akan disebutkan nanti di dalam surah ini. Lalu Allah utuskan Nabi Nuh a.s. kepada mereka untuk mengembalikan ke pangkuan tauhid dan membetulkan kefahaman mereka terhadap Allah, terhadap hidup dan terhadap alam al-wujud. Kitab-kitab suci yang terdahulu telah meletakkan Nabi Idris a.s. lebih dahulu dari Nabi Nuh a.s., tetapi keterangan-keterangan yang terdapat dalam kitab-kitab suci itu tidak termasuk dalam bahan-bahan yang dapat membentuk 'aqidah seseorang Muslim kerana keterangan-keterangan itu diragui telah dipesong dan ditokok tambah kepada kitab-kitab itu.

***Zaman Kelahiran Nuh***

Pendapat yang dipegang oleh orang-orang yang membaca kisah-kisah, para Anbia' di dalam Al-Qur'an ialah Nabi Nuh a.s. adalah dilahirkan di zaman awal angkatan umat manusia dan panjang umur beliau ialah seribu tahun kurang lima puluh (atau sembilan ratus lima puluh tahun), dan beliau telah menghabiskan usianya yang lanjut itu dalam usaha berda'wah kepada kaumnya, dan tentulah kaumnya juga berumur panjang-panjang panjang belaka. Umur beliau dan umur orang-orang sezaman yang begitu lanjut itu menunjukkan bahawa umat manusia di zaman itu masih sedikit dan belum membiak ramai seperti di zaman-zaman berikutnya. Ini adalah sesuai dengan undang-undang Allah pada makhluk-makhluk yang hidup iaitu apabila bilangannya sedikit, maka umurnya panjang, seolah-olah sebagai pampasan dan

imbangan. Wallahua'lam. Ini hanya satu pandangan dan bandingan sahaja dan apa yang berlaku di dalam undang-undang Allah.

Setelah menyebut sumber risalah, maka surah ini menyebut pula intisari risalah Nuh itu iaitu memberi amaran dan peringatan:

أَنْ أَنذِرْ قَوْمَكَ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١﴾

*"Berilah peringatan kepada kaummu sebelum mereka ditimpa 'azab yang amat pedih."(1)*

Keadaan kaumnya yang terus enggan, menentang, angkuh, degil dan sesat, seperti yang ternyata di dalam laporan akhir yang dikemukakan oleh Nuh kepada Tuhannya, telah membuat matlamat memberi peringatan dan amaran itulah yang paling sesuai untuk dijadikan intisari risalahnya dan untuk dijadikan langkah pembukaan da'wah kepada kaumnya, iaitu memberi amaran dan peringatan kepada mereka dengan 'azab yang amat pedih di dunia atau di Akhirat atau kedua-duanya sekali.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 4)**

Dari pemandangan menyerah tugas kerasulan beralih pula kepada pemandangan Nuh menyampaikan da'wah dengan memberi amaran dan memberangsangkan mereka mencari keampunan terhadap dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan yang telah berlaku, juga menyebut tentang masa hisab yang telah ditangguhkan Allah hingga ke suatu masa yang ditentukan pada hari Akhirat, di samping menerangkan dengan ringkas dasar-dasar pokok da'wahnya:

قَالَ يَٰقَوْمِ إِنِّي لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾

أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَٱتَّقُوهُ وَأَطِيعُونِ ﴿٣﴾

يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرْكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ

إِنَّ أَجَلَ ٱللَّهِ إِذَا جَآءَ لَا يُؤَخَّرُ ۖ لَوْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

*"Lalu Nuh berkata: Wahai kaumku! Sesungguhnya aku adalah seorang Rasul yang memberi peringatan yang amat jelas(2). Hendaklah kamu menyembah Allah, bertaqwa kepada-Nya dan ta'at kepadaku(3). Nescaya Dia ampunkan dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu hingga ke satu tempoh yang ditetapkan. Sesungguhnya ketetapan Allah itu apabila tiba waktunya tidak akan ditangguhkan lagi jika kamu mengetahui."(4)*

يَٰقَوْمِ إِنِّي لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾

*"Wahai kaumku! Sesungguhnya aku adalah seorang rasul yang memberi peringatan yang amat jelas."(2)*

Nuh telah memberi peringatan dan amaran dengan penerangan yang jelas, dengan hujah-hujah dan alasan-alasan yang kuat. Ia tidak tergagap-gagap, tidak tergugup-gugup dan tidak teragak-agak. Tiada kekeliruan dan kesamaran dalam da'wahnya dan tiada kekeliruan dan kesamaran dalam janji-janji yang menunggu pendusta-pendusta yang menolak da'wahnya.

Da'wahnya cukup mudah, terang dan lurus iaitu:

أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَٱتَّقُوهُ وَأَطِيعُونِ ﴿٣﴾

*"Hendaklah kamu menyembah Allah, bertaqwa kepada-Nya dan ta'at kepadaku."(3)*

Yakni beribadatlah kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu dan jadikanlah perasaan taqwa kepada Allah menguasai perasaan dan tindak-tanduk kamu dan buktikanlah keta'atan kepada rasul dengan menjadikan segala pengajarannya sebagai sumber peraturan hidup dan dasar-dasar perilaku.

Inilah garis-garis lebar yang menjadi intisari keseluruhan agama-agama samawi yang diturunkan Allah. Kemudian agama-agama itu berbeza-beza dari sudut perincian dan pencabangan, dari sudut persepsi dan kebesarannya, kedalamannya, keluasannya, kesyumulannya dan sejauh mana ia merangkumi aspek-aspek seluruh kewujudan dan merangkumi kewujudan insan dalam perincian dan pencabangan itu.

***Ibadat Kepada Allah Merupakan Satu Sistem Hidup***

Beribadat kepada Allah Yang Maha Esa merupakan satu sistem hidup yang lengkap. Ia meliputi kefahaman manusia terhadap hakikat Uluhiyah dan hakikat 'ubudiyah, hakikat hubungan di antara makhluk dengan Khaliq, hakikat kuasa-kuasa dan nilai-nilai di alam dan di dalam kehidupan manusia. Dari sinilah lahirnya satu sistem hidup manusia yang ditegakkan di atas kefahaman itu, dan terbentuklah satu sistem hidup yang khusus iaitu sistem hidup Rabbani yang dirujukkan kepada hakikat hubungan di antara Uluhiyah dan 'Ubudiyah, juga dirujukkan kepada nilai-nilai yang ditetapkan Allah kepada para makhluk-Nya yang bernyawa dan yang tidak bernyawa.

Taqwa kepada Allah merupakan satu jaminan yang hakiki terhadap istiqamah atau kelurusan seseorang menjalani sistem hidup ini tanpa menyimpang darinya ke sana ke mari, tanpa melakukan apa-apa tipu helah dan penyelewengan dalam melaksanakannya. Taqwa kepada Allah melahirkan akhlak yang mulia dan ikhlas kepada Allah semata-mata tanpa ria', tanpa berpura-pura dan bermuka-muka.

Ta'at kepada rasul merupakan wasilah istiqamah seseorang untuk menjalani jalan yang lurus dan untuk menerima hidayat dari sumbernya yang berhubung dengan Allah selaku sumber pertama penciptaan, dan hidayat juga merupakan wasilah untuk terus kekal berhubung dengan Allah menerusi rasul-Nya selaku stesyen penerima secara langsung yang terjamin benar.

Garis-garis da'wah yang lebar ini dikemukakan oleh Nuh a.s. kepada kaumnya di zaman generasi awal

umat manusia merupakan intisari da'wah Allah dalam setiap generasi selepas itu. Beliau telah menjanjikan mereka apa yang telah dijanjikan Allah kepada orang-orang yang bertaubat dan kembali kepada-Nya:

يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرْكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى

*"Nescaya Ia ampunkan dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu ke satu tempoh yang ditetapkan."(4)*

### *Ganjaran Da'wah*

Ganjaran menyambut da'wah supaya menyembah Allah Yang Maha Esa, bertaqwa kepada-Nya dan mematuhi rasul-Nya ialah keampunan dan pembersihan dari dosa-dosa yang telah silam, juga penangguhan hisab hingga ke masa yang ditentukan Allah iaitu Hari Akhirat tanpa ditimpa 'azab kehapusan dalam hidup dunia. (Dalam laporan Nuh kepada Allah akan disebut bahawa beliau telah menjanjikan mereka beberapa perkara yang lain yang akan didapati mereka di dalam masa hidup di dunia ini).

Kemudian Nuh menerangkan kepada mereka bahawa masa yang ditetapkan Allah itu adalah satu masa yang pasti datang apabila tiba waktunya dan ia tidak akan ditangguhkan lagi sebagaimana ditangguhkan 'azab dunia. Tujuan penjelasan ini ialah untuk menegakkan hakikat i'tiqad yang agung ini:

إِنَّ أَجَلَ ٱللَّهِ إِذَا جَآءَ لَا يُؤَخَّرُ لَوْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

*"Sesungguhnya ketetapan Allah itu apabila tiba waktunya tidak akan ditangguhkan lagi jika kamu mengetahui."(4)*

Ayat ini juga mungkin bertujuan untuk menjelaskan sifat mana-mana masa yang ditetapkan Allah, supaya hakikat ini secara umum tertanam di dalam hati mereka, sesuai dengan penerangannya mengenai janji Allah untuk menangguhkan hisab mereka pada Hari Qiamat jika mereka ta'at dan kembali kepada Allah.

* * * * * *

### *Prestasi Da'wah Nuh*

Nabi Nuh a.s. keluar meneruskan perjuangannya yang luhur, ikhlas dan mulia untuk menyampaikan hidayat Allah kepada kaumnya tanpa sebarang kepentingan dan faedah peribadi. Demi mencapaikan matlamat ini, beliau telah menerima tentangan-tentangan dan penghinaan-penghinaan mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun, sedangkan bilangan mereka yang menyahut da'wahnya hampir-hampir tidak bertambah dan darjah tentangan dan kedegilan mereka untuk mengikut jalan yang sesat semakin meningkat tinggi. Pada akhirnya Nuh kembali mengemukakan laporannya kepada Allah yang telah menyerahkan tugas yang luhur dan bebanan yang berat ini kepadanya. Ia kembali menceritakan apa yang beliau telah buat dan apa yang beliau telah terima, sedangkan Allah memang tahu dan beliau juga tahu bahawa Allah memang tahu, tetapi beliau kemukakan laporan itu untuk menyampaikan rintihan hati yang letih lesu di akhir pusingan perjuangan kepada Allah sebagai satu-satunya pihak yang menjadi tempat para Anbia', para rasul dan para Mu'minin yang tulen meluahkan rintihan dan rayuan mereka:

قَالَ رَبِّ إِنِّي دَعَوْتُ قَوْمِي لَيْلًا وَنَهَارًا ﴿٥﴾

فَلَمْ يَزِدْهُمْ دُعَآءِيٓ إِلَّا فِرَارًا ﴿٦﴾

وَإِنِّي كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوٓا۟ أَصَٰبِعَهُمْ فِيٓ ءَاذَانِهِمْ وَٱسْتَغْشَوْا۟ ثِيَابَهُمْ وَأَصَرُّوا۟ وَٱسْتَكْبَرُوا۟ ٱسْتِكْبَارًا ﴿٧﴾ ثُمَّ إِنِّي دَعَوْتُهُمْ جِهَارًا ﴿٨﴾

ثُمَّ إِنِّيٓ أَعْلَنتُ لَهُمْ وَأَسْرَرْتُ لَهُمْ إِسْرَارًا ﴿٩﴾

فَقُلْتُ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ إِنَّهُۥ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾

يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا ﴿١١﴾

وَيُمْدِدْكُم بِأَمْوَٰلٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَل لَّكُمْ جَنَّٰتٍ وَيَجْعَل لَّكُمْ أَنْهَٰرًا ﴿١٢﴾

مَّا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ﴿١٣﴾

وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ﴿١٤﴾

أَلَمْ تَرَوْا۟ كَيْفَ خَلَقَ ٱللَّهُ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾

وَجَعَلَ ٱلْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ ٱلشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾

وَٱللَّهُ أَنۢبَتَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ نَبَاتًا ﴿١٧﴾

ثُمَّ يُعِيدُكُمْ فِيهَا وَيُخْرِجُكُمْ إِخْرَاجًا ﴿١٨﴾

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ بِسَاطًا ﴿١٩﴾

لِّتَسْلُكُوا۟ مِنْهَا سُبُلًا فِجَاجًا ﴿٢٠﴾

(Ayat 5-20)

Inilah usaha-usaha da'wah yang telah dilakukan oleh Nuh a.s. dan isi rintihannya yang dikemukakan kepada Allah sebagai laporan terakhir di hujung masa perjuangan da'wahnya yang amat panjang di mana

beliau menggambarkan usaha-usaha da'wahnya yang gigih dan tidak putus-putus:

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 5 - 6)

*"Lalu Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Aku telah menyeru kaumku siang dan malam."(5)*

Beliau terus berda'wah tanpa jemu, tanpa lemah semangat dan tanpa putus asa menghadapi tentangan dan kedegilan kaumnya, tetapi:

فَلَمْ يَزِدْهُمْ دُعَآءِيٓ إِلَّا فِرَارًا ٦

*"Tetapi seruanku itu tidak menambahkan mereka suatu apa melainkan mereka semakin lari."(6)*

Yakni mereka lari dari rasul yang menyeru mereka kepada Allah yang menjadi sumber kewujudan dan kehidupan, sumber segala ni'mat dan rahmat dan sumber hidayat dan nur, sedangkan beliau tidak meminta sebarang upah. Mereka lari dari rasul yang berdo'a kepada Allah supaya mengurniakan keampunan kepada mereka dan membersihkan mereka dari dosa-dosa maksiat dan kesesatan.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat 7)

#### *Kedegilan Kaum Nuh*

Apabila mereka tidak sempat lari kerana Nuh a.s. sentiasa bersemuka dengan mereka dan sentiasa mengambil kesempatan menyampaikan da'wahnya kepada mereka, mereka tidak suka suaranya sampai ke dalam telinga mereka dan mereka tidak suka mata mereka melihat beliau, lalu mereka mengambil sikap degil mempertahankan kesesatan dan enggan menyambut seruan hidayat yang benar:

*"Dan sesungguhnya aku setiap kali aku menyeru mereka (kepada keimanan) supaya Engkau ampunkan dosa mereka, mereka sumbatkan jari-jari ke dalam telinga mereka dan menutupkan muka dengan baju mereka dan mereka terus berdegil dan menunjukkan sikap yang amat sombong."(7)*

Itulah satu gambaran kegigihan penda'wah yang menyampaikan da'wahnya pada setiap kesempatan yang didapatinya, dan gambaran kedegilan kaumnya mempertahankan kesesatan. Gambaran itu memperlihatkan sifat-sifat kebudakan mereka yang degil iaitu menyumbat jari ke dalam telinga dan menutup kepala dan muka dengan baju. Ungkapan, **"Mereka sumbatkan jari-jari mereka ke dalam telinga mereka"** benar-benar menggambarkan kedegilan keanak-anakan. Telinga mereka memang tidak dapat ditelusi semua jari-jari mereka, mereka hanya dapat menyumbatkannya dengan hujung-hujung jari sahaja, tetapi mereka sumbatkannya dengan begitu kuat seolah-olah mereka cuba memasukkan semua jari-jari ke dalam telinga mereka supaya benar-benar terjamin telinga mereka tidak dapat ditembusi oleh suara Nabi Nuh a.s. Ini adalah satu gambaran kedegilan yang amat tebal, juga satu gambaran sifat primitif budak-budak manusia yang telah dewasa.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 8 - 12)

#### *Nuh Menggunakan Segala Cara Dan Sarana Dalam Da'wahnya*

Di samping menyampaikan da'wah yang berterusan dan mengambil segala kesempatan yang terluang dan menghadapi segala cabaran dengan penuh gigih, beliau menggunakan segala cara dan segala sarana dalam usaha menyampaikan da'wahnya. Kadang-kadang secara terang-terangan, kadang-kadang dicampur di antara cara berterang-terangan dan cara bersulit-sulitan:

*"Kemudian aku menyeru mereka secara terang-terangan (8). Kemudian aku menyeru mereka secara terang dan secara sulit."(9)*

Di samping itu beliau merangsangkan kegemaran dan minat mereka supaya mencari kebajikan dunia dan Akhirat dan supaya mencari keampunan Allah kerana Allah S.W.T. bersifat Maha Pengampun:

فَقُلْتُ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ إِنَّهُۥ كَانَ غَفَّارًا ١٠

*"Dan aku telah menyeru mereka: Pohonlah keampunan kepada Tuhan kamu sesungguhnya Dia Maha Pengampun."(10)*

Beliau seterusnya merangsangkan kegemaran dan minat mereka supaya mendapatkan rezeki yang mewah dari sumber air hujan yang lebat yang menjadi idaman mereka, iaitu air hujan yang menumbuhkan tanaman-tanaman dan mengalirkan sungai-sungai. Beliau juga menjanjikan mereka dengan satu rezeki yang lain, iaitu rezeki mendapat zuriat dari anak-anak lelaki yang amat disukai mereka dan rezeki harta kekayaan yang sentiasa dicari dan diidamkan mereka:

*"Nescaya Allah menurunkan hujan yang lebat ke atas kamu(11). Dan mengurniakan kepada kamu harta yang banyak dan anak yang ramai, dan mengadakan kebun-*

*kebun untuk kamu, juga mengadakan sungai-sungai untuk kamu."(12)*

Dalam ayat ini Allah menghubungkan di antara istighfar dengan pemberian rezeki yang mewah. Di dalam Al-Qur'an terdapat ayat-ayat yang menerangkan pertalian di antara kebaikan dan istiqamah hati yang mematuhi hidayat Allah dengan kemurahan rezeki dan kemewahan hidup. Firman Allah S.W.T:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَـٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ وَلَـٰكِن كَذَّبُوا۟ فَأَخَذْنَـٰهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

*"Andainya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertaqwa nescaya Kami limpahkan ke atas mereka keberkatan-keberkatan dari langit dan bumi, tetapi malangnya mereka telah mendustakan (hidayat Kami), oleh itu, Kami seksakan mereka kerana perbuatan yang dilakukan mereka."*

(Surah al-A'raf: 96)

Firman-Nya lagi:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْكِتَـٰبِ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَكَفَّرْنَا عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ وَلَأَدْخَلْنَـٰهُمْ جَنَّـٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٦٥﴾ وَلَوْ أَنَّهُمْ أَقَامُوا۟ ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِم مِّن رَّبِّهِمْ لَأَكَلُوا۟ مِن فَوْقِهِمْ وَمِن تَحْتِ أَرْجُلِهِم

*"Dan andainya golongan Ahlil-Kitab itu beriman dan bertaqwa nescaya Kami hapuskan dosa-dosa mereka dan Kami masukkan mereka ke dalam Syurga-syurga yang penuh ni'mat. Dan andainya mereka melaksanakan ajaran Taurat dan Injil dan ajaran yang diturunkan kepada mereka dari Tuhan mereka nescaya mereka akan dapat makan (rezeki yang mewah) dari (langit) di atas mereka dan dari (bumi) di bawah kaki mereka."*

(Surah al-Ma'idah: 65-66)

Firman-Nya pula:

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۚ إِنَّنِى لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ ﴿٢﴾ يُمَتِّعْكُم مَّتَـٰعًا حَسَنًا إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِى فَضْلٍ فَضْلَهُۥ

*"Supaya kamu tidak menyembah selain dari Allah. Sesungguhnya aku (Muhammad) adalah pemberi peringatan dan penyampai berita gembira dari-Nya. Kemudian kembalilah kamu kepada Allah nescaya Dia kurniakan kamu keni'matan yang baik hingga sampai ke suatu tempoh yang telah ditetapkan-Nya. Dan nescaya Dia kurniakan kepada setiap yang berbakti kelebihan yang setimpal dengannya."*

(Surah Hud: 2-3)

### *Allah Janjikan Kehidupan Yang Mewah Kepada Umat Yang Bertaqwa*

Prinsip yang dijelaskan oleh Al-Qur'an di pelbagai tempat ini adalah satu prinsip yang betul berdasarkan janji Allah dan undang-undang hidup, begitu juga prinsip ini telah terlaksana di sepanjang abad sebagaimana disaksikan oleh realiti. Apabila memperkatakan prinsip ini, maka yang dirujukkan ialah umat-umat bukannya individu-individu. Mana-mana umat yang melaksanakan syari'at Allah dan benar-benar bertawajjuh kepada Allah dengan amalan-amalan yang salih dan istighfar yang membayangkan rasa takut mereka kepada Allah, mana-mana umat yang bertaqwa kepada Allah, beribadat kepada-Nya dan menjalankan undang-undang dan peraturan Allah untuk menegakkan keadilan dan keamanan kepada semua rakyat jelata, maka mereka akan mendapat kebajikan yang melimpahruah dan Allah akan memberi kedudukan yang kukuh di bumi dan menjadikan mereka selaku khalifah-Nya yang membawa pembangunan dan kebaikan.

Memang benar kita telah melihat di setengah-setengah masa umat-umat yang tidak bertaqwa kepada Allah dan tidak mendirikan syari'at-Nya, namun mereka hidup mewah dan mempunyai kedudukan yang kukuh, tetapi ini semuanya hanya merupakan ujian sahaja. Firman Allah:

وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ فِتْنَةً

*"Dan Kami dugakan kamu dengan kesusahan dan dengan ni'mat yang baik sebagai suatu ujian."*

(Surah al-Anbia': 35)

### *Di Sebalik Kemewahan Di Negara-negara Maju*

Selain dari itu kemewahan yang dini'mati mereka itu adalah kemewahan yang penuh penyakit, kemewahan yang dimusnahkan oleh kekacauan-kekacauan sosial dan keruntuhan akhlak, kezaliman, penindasan dan kejatuhan kehormatan insaniyah. Di hadapan kita sekarang ini ada dua buah kerajaan yang besar yang meni'mati hidup yang mewah dan mempunyai kedudukan yang kuat di dunia. Yang satu ialah kerajaan kapitalis dan yang satu lagi ialah komunis. Dalam kerajaan yang pertama, keruntuhan akhlak telah gugur ke paras kebinatangan, dan kefahaman mereka terhadap hidup juga telah menurun ke paras yang paling rendah. Segala-galanya di sana dinilai dengan dolar. Sementara dalam kerajaan yang kedua, kehormatan manusia telah digugurkan ke taraf yang lebih rendah dari taraf seorang abdi. Mereka hidup di bawah intipan perisik-perisik atau polis-polis rahsia. Mereka sentiasa hidup dalam kebimbangan dan ketakutan kepada

pembunuhan-pembunuhan. Apabila mereka tidur di waktu malam, mereka tidak yakin bahawa mereka akan bangkit di pagi besok dengan selamat tanpa menjadi mangsa tuduhan yang dirancang di dalam gelap. Oleh sebab itu kehidupan manusia, sama ada di dalam kerajaan kapitalis atau kerajaan komunis bukanlah kehidupan insaniyah yang benar-benar bersifat mewah dan senang.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 14)**

Apabila kita mengikuti perjuangan da'wah Nuh yang luhur dan panjang itu, kita dapati beliau menarik perhatian kuamnya kepada bukti-bukti kekuasaan Allah yang ada pada diri mereka sendiri dan pada alam buana di sekeliling, dan beliau merasa hairan terhadap kelakuan mereka yang sewenang-wenang dan biadab terhadap Allah, dan beliau telah membantah kelakuan itu:

*"Mengapakah kamu tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah?(13). Sedangkan Dia telah menciptakan kamu melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan."(14)*

***Peringkat-peringkat Perkembangan Bayi***

Peringkat-peringkat perkembangan yang disebut oleh Al-Qur'an kepada kaum Nuh di zaman itu tentulah peringkat-peringkat perkembangan yang difahami oleh mereka supaya peringkat-peringkat perkembangan itu dapat menimbulkan kesan di dalam jiwa mereka apabila diperingatkan kepada mereka. Dari kesan peringatan itu diharap dapat mendorongkan mereka menyahut da'wah Nuh a.s. Kebanyakan Mufassirin berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan peringkat-peringkat perkembangan itu ialah peringkat-peringkat perkembangan bayi di dalam rahim dari nutfah kepada segumpal darah, kepada segumpal daging, kepada lembaga dan seterusnya kepada pembentukan rupa paras manusia yang sempurna. Inilah peringkat-peringkat perkembangan yang dapat difaham oleh kaum Nuh apabila disebut kepada mereka, kerana bayi-bayi yang gugur sebelum terbentuk dengan sempurna di dalam rahim dapat memberi kepada mereka gambaran tentang peringkat-peringkat perkembangan itu. Ini merupakan salah satu dari pengertian-pengertian yang ditunjukkan oleh ayat ini. Mungkin juga maksudnya ialah pengertian yang dikemukakan oleh ilmu bayi yang mengatakan bahawa bayi di peringkat awal kejadiannya menyerupai bentuk rupa haiwan yang bersel satu kemudian berubah kepada bentuk haiwan yang bersel banyak, kemudian berubah kepada bentuk haiwan yang hidup di dalam air, kemudian berubah kepada bentuk haiwan mamalia, kemudian barulah mengambil rupa paras manusia, tetapi pengertian ini terlalu jauh untuk di faham oleh kaum Nuh, kerana pengertian ini baru sahaja ditemui sains. Mungkin pengertian inilah yang dimaksudkan dalam satu ayat lain selepas ia menyebut peringkat-peringkat perkembangan itu iaitu ayat:

ثُمَّ أَنشَأْنَٰهُ خَلْقًا ءَاخَرَ ۚ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحْسَنُ ٱلْخَٰلِقِينَ ﴿١٤﴾

*"Kemudian Kami ciptakannya menjadi satu makhluk yang lain, Maha Suci Allah Pencipta yang paling baik."*

(Surah al-Mu'minun: 14)

Di samping itu ayat-ayat ini mungkin mempunyai pengertian-pengertian yang lain yang belum lagi ditemui sains dan Kami tidak mahu mengikatkan kedua-dua ayat ini dengan penemuan-penemuan sains.

Walau bagaimanapun Nabi Nuh a.s. telah menarik perhatian kaumnya supaya meneliti kejadian diri mereka dan mengecam sikap mereka yang tidak menghormati Allah yang telah menciptakan mereka melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan itu. Inilah sikap yang amat aneh dan amat bodoh yang ditunjukkan oleh makhluk.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 18)**

***Pengertian Tujuh Langit***

Begitu juga beliau telah menarik perhatian mereka kepada kitab alam buana yang terbuka:

أَلَمْ تَرَوْا۟ كَيْفَ خَلَقَ ٱللَّهُ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾

وَجَعَلَ ٱلْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ ٱلشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾

*"Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah telah menciptakan tujuh langit yang bertingkat-tingkat?(15). Dan di langit Dia telah menciptakan bulan sebagai cahaya dan menciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang."(16)*

Pengertian tujuh langit itu tidak boleh dibataskan dengan pendapat-pendapat yang dikatakan oleh andaian-andaian ilmiyah mengenai alam ini, kerana pendapat-pendapat itu semuanya bersifat andaian semata-mata. Nabi Nuh hanya menarik perhatian kaumnya kepada kejadian langit dan memberitahu kepada mereka sebagaimana yang diajar oleh Allah bahawa langit itu tujuh tingkat dan di sana terdapat bulan yang berfungsi sebagai cahaya, juga terdapat matahari yang berfungsi sebagai lampu. Mereka tentulah melihat bulan dan matahari, melihat apa yang dikatakan langit, iaitu angkasa raya yang berwarna biru tetapi persoalan apakah hakikat langit? Ini bukanlah persoalan yang dituntut dari mereka, dan hingga hari ini tiada seorang pun yang dapat memberi pendapat muktamad mengenainya. Bimbingan Nuh a.s. ini sudah cukup untuk menarik perhatian dan penelitian mereka supaya memikirkan daya qudrat yang mencipta yang berada di sebalik kejadian-

kejadian yang besar ini. Inilah yang dimaksudkan dari bimbingan Nuh itu. Kemudian Nuh kembali sekali lagi menarik perhatian kaumnya kepada kejadian diri mereka sendiri yang diciptakan dari tanah, kemudian mereka kembali lagi ke tanah apabila mereka mati untuk menjelaskan kepada mereka hakikat kebangkitan semula iaitu mereka akan dibangkitkan dan dikeluarkan dari tanah selepas mati:

***Asal Kejadian Manusia Sama Dengan Asal Kejadian Tumbuhan***

وَٱللَّهُ أَنۢبَتَكُم مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ نَبَاتٗا ﴿١٧﴾
ثُمَّ يُعِيدُكُمۡ فِيهَا وَيُخۡرِجُكُمۡ إِخۡرَاجٗا ﴿١٨﴾

*"Dan Allah menumbuhkan kamu dari tanah dengan penumbuhan yang sempurna(17). Kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam tanah dan mengeluarkan kamu darinya (pada hari Qiamat) dengan sempurna."(18)*

Penciptaan manusia dari tanah telah diungkapkan dalam ayat ini dengan kata-kata **"menumbuhkan"**. Ungkapan ini amat menarik dan banyak memberi ilham. Ia diulang di dalam Al-Qur'an dengan berbagai-bagai gambaran seperti firman-Nya:

وَٱلۡبَلَدُ ٱلطَّيِّبُ يَخۡرُجُ نَبَاتُهُۥ بِإِذۡنِ رَبِّهِۦۖ وَٱلَّذِي
خَبُثَ لَا يَخۡرُجُ إِلَّا نَكِدٗاۚ

*"Dan negeri yang berbumi subur mengeluarkan tumbuh-tumbuhannya dengan izin Tuhannya, dan negeri yang mempunyai bumi yang tidak baik tidak dapat mengeluarkan tumbuh-tumbuhannya, kecuali dalam keadaan bantut."*

(Surah al-A'raf: 58)

Di sini ia menunjukkan bahawa asal mula kejadian manusia sama dengan asal mula kejadian tumbuh-tumbuhan. Di dalam surah-surah yang lain, Allah menyebutkan penciptaan manusia di samping penciptaan tumbuh-tumbuhan. Misalnya dalam Surah al-Hajj, Allah menghimpunkan kedua-dua penciptaan itu dalam satu ayat sahaja ketika mengemukakan bukti-bukti hakikat kebangkitan semula. Firman Allah Azzawajalla:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمۡ فِي رَيۡبٖ مِّنَ ٱلۡبَعۡثِ
فَإِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن تُرَابٖ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٖ ثُمَّ
مِنۡ عَلَقَةٖ ثُمَّ مِن مُّضۡغَةٖ مُّخَلَّقَةٖ وَغَيۡرِ مُخَلَّقَةٖ
لِّنُبَيِّنَ لَكُمۡۚ وَنُقِرُّ فِي ٱلۡأَرۡحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ
أَجَلٖ مُّسَمّٗى ثُمَّ نُخۡرِجُكُمۡ طِفۡلٗا ثُمَّ لِتَبۡلُغُوٓاْ
أَشُدَّكُمۡۖ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم
مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرۡذَلِ ٱلۡعُمُرِ لِكَيۡلَا يَعۡلَمَ مِنۢ بَعۡدِ
عِلۡمٖ شَيۡـٔٗاۚ وَتَرَى ٱلۡأَرۡضَ هَامِدَةٗ فَإِذَآ أَنزَلۡنَا
عَلَيۡهَا ٱلۡمَآءَ ٱهۡتَزَّتۡ وَرَبَتۡ وَأَنۢبَتَتۡ مِن كُلِّ
زَوۡجِۭ بَهِيجٖ ﴿٥﴾

*"Wahai manusia! Jika kamu berada dalam keraguan tentang kebangkitan semula, maka (ketahuilah) bahawa Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitis nutfah, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna kejadiannya untuk Kami memberi penerangan yang jelas kepada kamu. Dan Kami tetapkan di dalam rahim-rahim itu bayi-bayi yang Kami kehendaki hingga ke satu tempoh yang ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu dengan bentuk rupa seorang bayi, kemudian kamu berkembang hingga sampai ke peringkat dewasa. Dan di antara kamu ada yang dimatikan dan ada pula di antara kamu yang dilanjutkan umurnya hingga ke peringkat tua bereda hingga ia tidak mengetahui sesuatu apa pun yang dahulunya diketahui olehnya. Dan kamu lihat bumi ini tandus, kemudian apabila Kami turunkan hujan ke atasnya ia terus hidup dan subur dan menumbuhkan berbagai-bagai tumbuhan yang indah."*

(Surah al-Hajj: 5)

Di dalam Surah al-Mu'minun pula Allah menyebutkan peringkat-peringkat perkembangan bayi yang hampir sama dengan apa yang disebut dalam Surah al-Hajj, kemudian Allah berfirman:

فَأَنشَأۡنَا لَكُم بِهِۦ جَنَّٰتٖ مِّن نَّخِيلٖ وَأَعۡنَٰبٖ

*"Lalu (dengan air itu) Kami ciptakan untuk kamu kebun-kebun kurma dan anggur."*

(Surah al-Mu'minun: 19)

Gejala ini tidak syak lagi amat menarik perhatian. Ia membayangkan kesatuan asal usul kejadian hidup-hidupan di bumi, iaitu asal-usul kejadian manusia sama dengan asal-usul kejadian tumbuh-tumbuhan. Ia diciptakan dari anasir-anasir bumi, dan dari anasir-anasir bumi ini juga ia mendapat makanan dan subur. Oleh itu, manusia merupakan satu tumbuhan dari tumbuh-tumbuhan bumi. Allah kurniakan kepadanya bentuk hidup yang sama yang dikurniakannya kepada tumbuh-tumbuhan. Kedua-duanya merupakan dari hasil pengeluaran bumi dan kedua-duanya menyusui ibunda bumi ini.

Demikianlah keimanan itu mencetuskan di hati orang Mu'min satu kefahaman hakiki yang segar tentang hubungannya dengan bumi dan hidup-hidupan, iaitu satu kefahaman yang membayangkan kehalusan ilmu pengetahuan dan kesedaran yang dinamis kerana ia ditegakkan di atas hakikat yang hidup dalam hati nurani. Itulah keistimewaan ilmu pengetahuan Al-Qur'an yang unik.

### *Manusia Dari Bumi Akan Kembali Ke Bumi*

Manusia yang tumbuh dari bumi itu akan kembali sekali lagi ke perut bumi, di sana reputan jasad mereka akan bercampuraduk dengan tanahnya, dan zarah-zarah mereka akan bersebati dengan zarah-zarah tanah sebagaimana keadaannya sebelum ia tumbuh dari bumi. Kemudian Allah mengeluar dan menumbuhkan mereka kembali sebagaimana Allah tumbuhkan mereka pada kali pertama. Ini adalah satu masalah yang amat mudah dan senang tidak memerlukan berhenti walau sedetik pun apabila ditinjau dari sudut yang ditayangkan oleh Al-Qur'an.

Nabi Nuh a.s. menarik perhatian kaumnya kepada hakikat ini supaya hati mereka menyedari kekuasaan Allah yang menumbuhkan mereka dari bumi dengan penumbuhan yang sempurna, dan kemudian Allah memulangkan mereka sekali lagi ke bumi menunggu kebangkitan semula untuk hisab dan ia akan berlaku semudah dan sesenang ini juga yang tidak perlu dipertikaikan.

* * * * * *

## (Pentafsiran ayat-ayat 19 - 20)

Akhirnya Nabi Nuh a.s. menarik hati mereka kepada ni'mat kemudahan hidup di muka bumi, iaitu kemudahan berjalan, mencari makan dan berpindah:

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ ٱلۡأَرۡضَ بِسَاطٗا ١٩

لِّتَسۡلُكُواْ مِنۡهَا سُبُلٗا فِجَاجٗا ٢٠

*"Dan Allah telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai hamparan(19). Supaya kamu dapat melalui jalan-jalannya yang luas."(20)*

### *Ni'mat Jalan-jalan Di Bumi*

Hakikat ini amat dekat dan cukup jelas kepada penglihatan dan kefahaman mereka. Mereka tidak dapat melarikan diri darinya sebagaimana mereka dapat melarikan diri dari suara Nuh dan amarannya. Bumi kepada mereka terhampar selesa, hinggakan pada bukit-bukau dan gunung-ganang terdapat lorong-lorong dan jalan-jalan yang luas, apatah lagi di tanah-tanah datar, iaitu lorong-lorong dan jalan-jalan yang memberi kemudahan kepada mereka untuk berjalan, menunggang, berpindah, mencari rezeki, bertukar-tukar barangan yang berguna dan rezeki-rezeki.

Hakikat ini dapat difahami mereka tanpa memerlukan kepada kajian-kajian ilmiyah yang sukar untuk mempelajari undang-undang yang menguasai hidup mereka di bumi ini dan memudahkan kehidupan mereka. Apabila ilmu pengetahuan manusia semakin tinggi, maka ia akan dapat memahami dari hakikat ini berbagai-bagai aspek yang baru dan ufuk-ufuk yang jauh.

* * * * * *

## (Pentafsiran ayat-ayat 21 - 24)

### *Laporan Akhir Nuh Kepada Allah*

Demikianlah Nabi Nuh a.s. berusaha menyampaikan da'wahnya kepada telinga kaumnya, kepada hati dan minda mereka dengan berbagai-bagai cara dan wasilah dengan penuh tekun, tabah dan sabar selama sembilan ratus lima puluh tahun. Setelah itu beliau kembali kepada Allah mengemukakan laporan dan pengaduannya dan dari laporan yang lengkap yang tersusun dengan kata-kata yang menarik ini kita dapat melihat gambaran kesabaran dan perjuangan yang gigih dan sukar yang ditempuh oleh Nuh. Ia merupakan satu babak perjuangan dalam siri-siri agama samawi yang diturunkan kepada umat manusia yang sesat dan menderhaka. Apakah lagi selepas semua laporan ini?

قَالَ نُوحٞ رَّبِّ إِنَّهُمۡ عَصَوۡنِي وَٱتَّبَعُواْ مَن لَّمۡ يَزِدۡهُ مَالُهُۥ وَوَلَدُهُۥٓ إِلَّا خَسَارٗا ٢١ وَمَكَرُواْ مَكۡرٗا كُبَّارٗا ٢٢

وَقَالُواْ لَا تَذَرُنَّ ءَالِهَتَكُمۡ وَلَا تَذَرُنَّ وَدّٗا وَلَا سُوَاعٗا وَلَا يَغُوثَ وَيَعُوقَ وَنَسۡرٗا ٢٣

وَقَدۡ أَضَلُّواْ كَثِيرٗاۖ وَلَا تَزِدِ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا ضَلَٰلٗا ٢٤

*"Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Mereka telah menderhakakanku dan mengikut orang-orang yang hartanya dan anak-anaknya tidak menambahkan sesuatu kepada mereka selain kerugian(21). Dan mereka melakukan berbagai-bagai tipu daya yang amat besar(22). Dan mereka berkata (kepada orang ramai): Janganlah kamu tinggalkan tuhan-tuhan kamu, dan janganlah kamu tinggalkan Wadda, Suwaa', Yaghuth, Ya'uuq dan Nasr (23). Dan mereka telah menyesatkan orang ramai. Dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim itu selain kesesatan."(24)*

### *Mereka Tetap Mengikut Pemimpin-pemimpin Yang Sesat*

Wahai Tuhanku, mereka telah menderhakakanku setelah sekian lama berjuang dan berpenat lelah, setelah sekian lama mereka diberi bimbingan dan hidayat dan setelah sekian lama mereka diberi amaran dan peringatan di samping ditawarkan janji-janji rezeki yang mewah, anak yang ramai dan kehidupan yang senang, namun mereka tetap mengikut pemimpin-pemimpin yang sesat dan menyesatkan, pemimpin-pemimpin yang mengelirukan pengikut-pengikut dengan harta kekayaan, anak-anak yang ramai, pangkat kebesaran dan kuasa yang dimiliki mereka iaitu pemimpin-pemimpin yang:

وَٱتَّبَعُواْ مَن لَّمۡ يَزِدۡهُ مَالُهُۥ وَوَلَدُهُۥٓ إِلَّا خَسَارٗا ٢١

*"Yang hartanya dan anak-anaknya tidak menambahkan sesuatu apa selain kerugian."(21)*

Mereka telah tertipu dengan harta kekayaan dan anak-anak yang ramai, lalu mengikut jalan yang sesat

di samping berusaha menyesatkan orang lain pula, maka akibatnya tidak lain melainkan kecelakaan dan kerugian.

Pemimpin-pemimpin itu tidak cukup dengan kesesatan, malah mereka:

وَمَكَرُوا مَكْرًا كُبَّارًا ﴿٢٢﴾

*"Dan mereka melakukan berbagai-bagai tipu daya yang amat besar."(22)*

#### *Mereka Digalakkan Menyembah Berhala*

Untuk menghapuskan da'wah dan menutup jalan supaya da'wah itu tidak sampai ke hati orang ramai, mereka melakukan berbagai-bagai tipu helah untuk menghias dan mendandankan kekufuran, kesesatan dan jahiliyah yang dihayati orang ramai supaya kelihatan cantik. Di antara tipu daya mereka ialah mereka menggalakkan orang ramai supaya berpegang kukuh dengan berhala-berhala yang dianggap mereka sebagai tuhan-tuhan.

*"Mereka berkata (kepada orang ramai) janganlah kamu tinggalkan tuhan-tuhan kamu."(23)*

Mereka tekankan dengan kata-kata tambahan **"tuhan kamu"** untuk membangkitkan rasa kehormatan diri yang palsu dan rasa keangkuhan yang salah di dalam hati mereka. Kemudian secara khusus mereka menyebut berhala-berhala yang besar untuk merangsangkan rasa kebanggaan di dalam hati orang ramai yang sesat:

*"Janganlah kamu tinggalkan Wadda, Suwaa', Yaghuth, Ya'uuq dan Nasr."(23)*

Itulah tuhan-tuhan besar mereka yang terus disembah di zaman-zaman jahiliyah selepas mereka hingga sampai ke zaman kerasulan Muhammad s.a.w.

#### *Mereka Ditipu Pemimpin*

Demikianlah pemimpin-pemimpin yang sesat dan menyesatkan itu membangun berbagai-bagai berhala dengan berbagai-bagai bentuk rupa dan nama mengikut kecintaan dan kegilaan yang wujud dalam masing-masing masyarakat jahiliyah. Mereka mengumpul pengikut-pengikut dan merangsangkan di dalam hati perasaan bangga dengan berhala-berhala itu supaya mereka dapat mengheret mereka dengan tali hidung ke mana sahaja mereka suka dan mengekalkan mereka dalam kesesatan supaya mereka sentiasa patuh dan ta'at:

وَقَدْ أَضَلُّوا كَثِيرًا ۖ وَلَا تَزِدِ الظَّالِمِينَ إِلَّا ضَلَالًا ﴿٢٤﴾

*"Dan mereka telah menyesatkan orang ramai. Dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim itu selain kesesatan."(24)*

Sebagaimana yang dilakukan oleh setiap pemimpin yang sesat yang mengemblengkan orang ramai supaya menyembah berhala-berhala, iaitu berhala-berhala batu, berhala-berhala tokoh dan berhala-berhala ideologi semuanya mempunyai tujuan yang sama iaitu menghalangkan da'wah Allah dan menjauhkan orang ramai dari para penda'wah dengan berbagai-bagai tipu daya yang besar.

* * * * * *

#### *Do'a Nabi Nuh a.s. Yang Syumul*

Di sini terbetiklah dalam hati Nabi Nuh a.s. sebuah do'a agar Allah menghukumkan orang-orang yang zalim, sesat, penyesat dan jahat dan penipu, **"Dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim itu selain kesesatan."**

Itulah do'a yang terbit dari hati rasul yang berjuang sekian lama, menderita sekian banyak dan berusaha dengan segala cara dan akhirnya sedar tiada kebajikan di dalam hati manusia yang zalim, pelampau, dan degil. Hati-hati itu tidak layak menerima hidayat dan keselamatan dari 'azab.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat 25)

Sebelum menyebut sambungan do'a Nabi Nuh a.s., dijelaskan dahulu akibat yang diterima oleh orang-orang yang zalim di dunia dan Akhirat, kerana urusan Akhirat sama dengan urusan dunia, iaitu ia sentiasa wujud di dalam ilmu Allah dan tetap akan berlaku:

مِّمَّا خَطِيئَاتِهِمْ أُغْرِقُوا فَأُدْخِلُوا نَارًا فَلَمْ يَجِدُوا لَهُم مِّن دُونِ اللَّهِ أَنصَارًا ﴿٢٥﴾

*"Oleh sebab kesalahan-kesalahan mereka, mereka ditenggelamkan, kemudian dimasukkan ke dalam Neraka, dan mereka tidak akan mendapat penolong-penolong selain dari Allah."(25)*

#### *Mereka Dibinasakan Banjir*

Dengan sebab kesalahan-kesalahan, dosa-dosa dan maksiat-maksiat, mereka ditenggelamkan di dalam banjir dan kemudian dimasukkan ke dalam Neraka. Kata-kata **"kemudian"** di sini memang ada tujuannya kerana masuknya mereka ke dalam Neraka adalah bersambung dengan tenggelamnya mereka di dunia dengan hanya dipisahkan oleh satu masa yang pendek yang seolah-olah tidak wujud, kerana masa yang sependek itu tidak masuk kiraan dalam perhitungan Allah. Tertib itu tetap wujud di antara tenggelamnya mereka di dunia dengan masuknya mereka ke dalam Neraka pada Hari Qiamat. Mungkin juga 'azab Neraka yang dimaksudkan di sini ialah 'azab kubur dalam tempoh yang pendek di antara dunia dan Akhirat.

فَلَمْ يَجِدُوا لَهُم مِّن دُونِ اللَّهِ أَنصَارًا ﴿٢٥﴾

*"Dan mereka tidak akan mendapat penolong-penolong selain dari Allah."(25)*

Mereka tidak dapat ditolong oleh anak-anak, tidak pula oleh harta kekayaan, tidak pula oleh kuasa dan tidak pula oleh penaung-penaung dari tuhan-tuhan yang didakwa oleh mereka.

Dengan dua ayat yang pendek ini tamatlah kisah kaum penderhaka dan pelampau itu. Cerita hidup mereka ditutup sebelum disebut do'a Nabi Nuh a.s. yang memohon agar mereka dibinasa dan dihapuskan dari alam ini. Ia tidak dipisahkan di sini dengan kisah ketenggelaman mereka, kerana suasana yang mahu dikekalkan di sini ialah suasana pembalasan yang segera hingga jarak di antara ketenggelaman di dunia dengan pembakaran di dalam Neraka dapat dilalui dengan kata-kata **"kemudian"** sahaja mengikut cara penggambaran Al-Qur'an yang amat seni. Oleh itu, kita terpaksa berhenti dalam suasana ini sahaja tanpa menjangkau lebih jauh ke dalam butir-butir cerita tenggelam dan masuk Neraka.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 28)**

Kemudian barulah ia menyebut sambungan do'a Nabi Nuh a.s. dengan sempurna dan rayuannya kepada Allah di akhir perjuangan da'wahnya:

وَقَالَ نُوحٌ رَّبِّ لَا تَذَرْ عَلَى ٱلْأَرْضِ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ دَيَّارًا ﴿٢٦﴾ إِنَّكَ إِن تَذَرْهُمْ يُضِلُّوا۟ عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوٓا۟ إِلَّا فَاجِرًا كَفَّارًا ﴿٢٧﴾ رَّبِّ ٱغْفِرْ لِى وَلِوَٰلِدَىَّ وَلِمَن دَخَلَ بَيْتِىَ مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ وَلَا تَزِدِ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا تَبَارًۢا ﴿٢٨﴾

*"Dan Nuh berdo'a: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorang pun dari orang-orang kafir itu tinggal di bumi(26). Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal di bumi nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu dan mereka tidak akan melahirkan selain dari anak yang jahat dan kafir yang degil(27). Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan kepadaku, kepada dua ibu bapaku, kepada orang yang masuk ke dalam rumahku dengan keadaan beriman dan kepada orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim selain dari kebinasaan."(28)*

Hati Nabi Nuh a.s. telah diberi ilham bahawa bumi kini memerlukan kepada pembersihan dari kejahatan yang telah menenggelamkan kaumnya. Kadang-kadang bumi ini tidak dapat diubati melainkan dengan membersihkannya dari manusia-manusia yang zalim, kerana kewujudan mereka boleh membekukan da'wah kepada Allah dan boleh menghalangkan sampainya da'wah kepada hati orang ramai. Itulah hakikat yang diungkapkan oleh Nabi Nuh a.s. ketika beliau memohon kepada Allah supaya menghapuskan sekalian manusia yang zalim itu hingga tiada seorang pun yang dibiarkan tinggal di bumi. Beliau bersabda:

إِنَّكَ إِن تَذَرْهُمْ يُضِلُّوا۟ عِبَادَكَ

*"Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal di bumi nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu."(27)*

Kata-kata **"hamba-hamba-Mu"** membayangkan golongan orang yang beriman. Mereka akan ditindas kerana 'aqidah mereka dengan kuatkuasa yang zalim atau mereka akan terpesona dengan kekuasaan orang-orang yang zalim yang hidup selamat dan tidak diapa-apakan oleh Allah.

Selain dari itu golongan yang kafir dengan sendirinya mewujudkan satu alam sekitar yang melahirkan keturunan yang kafir, menyaran dan mengilhamkan kekufuran kepada kanak-kanak yang kecil mengikut keadaan dan suasana alam sekitar yang diwujudkan mereka. Oleh itu, kanak-kanak tidak mempunyai kesempatan untuk melihat cahaya hidayat. Inilah hakikat yang diutarakan Nabi Nuh a.s.:

وَلَا يَلِدُوٓا۟ إِلَّا فَاجِرًا كَفَّارًا ﴿٢٧﴾

*"Dan mereka tidak akan melahirkan selain dari anak yang jahat dan kafir yang degil."(27)*

Mereka mengadakan berbagai-bagai adat, undang-undang dan peraturan yang membuat kanak-kanak itu terdidik dengan berbuat dosa dan menjadi kafir yang degil seperti yang disebutkan oleh Nabi Nuh a.s.

Kerana itulah Nuh a.s. berdo'a supaya mereka dibinasakan dan dihapuskan habis-habisan, dan kerana itulah juga Allah memperkenankan do'anya, lalu membasuh muka bumi ini dari kejahatan itu dan menyapu bersih lubang-lubang kejahatan yang tidak dapat dihapuskan melainkan dengan kekuatan dari Allah Yang Maha Kuasa.

Kemudian beliau menutup do'anya terhadap mereka:

وَلَا تَزِدِ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا تَبَارًۢا ﴿٢٨﴾

*"Dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim selain dari kebinasaan."(28)*

Di samping memohon dengan khusyu' dan penuh kasih mesra:

رَّبِّ ٱغْفِرْ لِى وَلِوَٰلِدَىَّ وَلِمَن دَخَلَ بَيْتِىَ مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ

*"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan kepadaku, kepada dua ibu bapaku kepada orang yang masuk ke dalam rumahku dengan keadaan beriman dan kepada orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan."(28)*

Do'a Nabi Nuh a.s. memohon Allah mengampunkan dosanya merupakan adab sopan kenabian yang mulia di hadapan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar,

iaitu adab sopan seorang hamba yang tidak lupa bahawa dirinya seorang manusia yang mungkin salah dan mungkin tidak sempurna menunaikan kewajipannya biarpun beliau begitu ta'at dan kuat beribadat, juga adab sopan seorang hamba yang sedar bahawa ia tidak semestinya dapat memasuki Syurga dengan semata-mata amalannya kecuali ia mendapat limpah kurnia Allah sebagaimana ditegaskan oleh saudaranya Nabi Muhammad s.a.w. Itulah istighfar Nabi Nuh a.s. yang telah berda'wah kepada kaumnya yang menderhaka dan berdosa kemudian da'wah beliau ditolak dengan begitu angkuh. Beliau memohon keampunan setelah beliau berjuang dan menempuh kesulitan-kesulitan sekian lama.

Do'a beliau memohon keampunan kepada dua ibubapanya merupakan kebaktian beliau kepada dua orang tuanya yang Mu'min mengikut apa yang kami faham dari do'a ini, kerana andainya kedua orang tua itu bukan orang-orang Mu'min tentulah Allah menegur beliau sebagaimana Allah telah menegur beliau sewaktu beliau merayu tentang anaknya yang kafir yang turut tenggelam bersama orang-orang kafir yang ditenggelamkan itu (sebagaimana diterangkan dalam Surah Hud).

Do'a beliau memohon keampunan kepada mereka yang masuk ke dalam rumahnya dengan keadaan beriman merupakan kebaktian seorang Mu'min terhadap Mu'min yang lain dan merupakan hasrat yang baik dari seorang Mu'min terhadap seorang Mu'min yang lain sama seperti hasramya yang baik terhadap dirinya sendiri. Tujuan mengkhususkan pengampunan itu kepada orang-orang yang masuk ke dalam rumah beliau dengan keadaan beriman itu adalah untuk memasukkan golongan orung-orang Mu'min yang akan dibawa bersama beliau di dalam bahtera itu.

Do'a beliau yang meliputi sekalian orang Mu'min lelaki dan perempuan itu merupakan kebaktian seorang Mu'min terhadap seluruh orang Mu'min yang lain di semua zaman dan di semua tempat, dan itulah perasaan seorang Mu'min terhadap tali hubungan kekeluargaan sesama Mu'min di sepanjang zaman dan di seluruh tempat. Inilah satu rahsia yang mengkagumkan yang terdapat dalam 'aqidah Islam, iaitu 'aqidah yang mengikatkan semua penganutnya dengan tali ikatan kasih mesra yang kukuh dan kerinduan yang mendalam terhadap satu sama lain walaupun mereka dipisahkan oleh zaman dan tempat. Inilah rahsia yang disampaikan Allah dalam 'aqidah ini dan di dalam hati Mu'min yang terikat dengan 'aqidah ini.

Inilah rasa kasih sayang seorang Mu'min terhadap para Mu'min yang lain dan setanding dengan perasaan ini ialah perasaan kebencian mereka terhadap orang-orang yang zalim:

وَلَا تَزِدِ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا تَبَارًا ۝٢٨

*"Dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim selain dari kebinasaan."(28)*

Demikianlah tamatnya surah ini setelah menayangkan gambaran perjuangan gemilang Nabi Nuh a.s. dan gambaran suram orang-orang kafir yang degil. Gambaran-gambaran ini telah meninggalkan rasa kasih mesra terhadap roh Nabi Nuh a.s. yang mulia itu dan rasa kagum terhadap perjuangannya yang luhur. Gambaran itu memberi bekalan untuk terus berjalan di jalan Allah biarpun bagaimana sukar dan penat perjalanannya dan biarpun bagaimana besar pengorbanan dan kepedihannya kerana itulah satu-satunya jalan yang membawa manusia ke puncak kesempurnaan hidup, di bumi ini, kerana ia membawa mereka kepada Allah Yang Maha Tinggi, Maha Agung dan Maha Besar.

* * * * * *